

DATE: 13/05/2008

PM umum insentif halal

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 12 Mei – Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan beberapa insentif menarik dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat halal dunia.

Antara insentif tersebut ialah pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun jualan eksport; pengecualian duti import bahan mentah serta potongan berganda ke atas belanja yang ditanggung oleh sesebuah syarikat bagi mendapatkan standard kualiti antarabangsa.

Selain itu kata Perdana Menteri, kerajaan juga turut menawarkan insentif untuk pusat

industri halal dan pengusaha logistik, bertujuan untuk memastikan rantaian industri tersebut berada pada tahap optimum.

Menurut beliau, antaranya elaan cukai pelaburan serta pengecualian cukai duti import ke atas peralatan yang digunakan di dalam operasi sejuk beku.

“Kerajaan yakin melalui insentif-insentif yang diperkenalkan itu, ia mampu menjadi daya tarikan kepada pelabur dan sekali gus merencanakan lagi industri halal di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Forum Halal Sedunia (WHF) 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan

UM - 13/5/2008

Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi WHF, Sheikh Saleh Kamel dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC), Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Abdullah berkata, usaha memperkenalkan kesemua insentif itu juga sejajar dengan langkah kerajaan menyediakan Pelan Induk Halal Kebangsaan.

Katanya, pelan induk itu merupakan satu dokumen serta rangka kerja yang holistik bagi meletakkan Malaysia antara pemain utama di dalam industri berkenaan.

“Pelan induk ini amat penting kerana di dalamnya terdapat rangka kerja serta pan-

duan yang amat jelas kepada semua pihak yang bertanggungjawab menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelabur di dalam industri halal,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, HDC yang diberi tugas untuk mengetuai usaha memajukan bidang itu telah memainkan peranannya, antaranya membantu pengusaha-pengusaha tempatan memasarkan barangan halal mereka ke peringkat global.

Perdana Menteri berkata, sijil halal Malaysia yang diiktiraf oleh negara Islam dan bukan Islam boleh dijadikan sebagai penanda aras global bagi membantu mewujudkan standard dalam persijilan halal secara lebih bersepadu.